

## PERBEZAAN PENDEKATAN HAK ASASI MANUSIA: SUATU SOROTAN LITERATUR<sup>1</sup>

### *Different Approaches of Human Rights: A Literature Review*

**Nik Muhd Marzuki Hj. Muhd Nor**

*Master Candidate, Department of Shariah and Law  
Academy of Islamic Studies, University of Malaya  
50603 Kuala Lumpur;*

*Senior Officer of Islamic Affairs*

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),  
Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, 62100 Putrajaya  
nikmmarzuki@yahoo.com*

**Raihanah Hj. Abdullah**

*Professor, Department of Shariah and Law  
Academy of Islamic Studies  
University of Malaya  
50603 Kuala Lumpur.  
raihanah@um.edu.my*

**Wan Zainira Wan Bakar**

*Senior Lecturer, International Islamic College  
68100 Taman Batu Muda, Batu Caves, Kuala Lumpur  
wzainira@yahoo.com*

### ABSTRACT

*The world is on the brink of nuclear war, while both previous World War I and World War II was ended by means of treaty, which includes human rights. This study reviews different approaches of human rights. The historical development of human rights indicates that the idea of human rights has already existed for a*

---

<sup>1</sup> Artikel ini merupakan sebahagian daripada Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

*Journal of Shariah Law Research* (2020) vol. 5 (1) 1-34

*long time and it is not originated or protected merely by a specific culture. This historical development is repudiated by the western renaissance (enlightenment), which holds that human rights are a new modern phenomenon. In reality, human rights have already been recognized as a part of international laws by international intergovernmental organizations. This situation causes different and dichotomous perceptions on human rights because it can be understood and interpreted differently. The existence of Universal Declaration of Human Rights (UDHR) and other human rights declarations indicates that there is a difference in approach between 'Human Rights' based on universalism, and 'human rights' based on relativism. The dichotomy persists to be a continuing trend in the future, putting human rights in trap and conjunction. In fact, both universalism and relativism approaches advocate cultural relativism and particularism. Without justice for both approaches, international human rights laws that has been developed or will be redeveloped would not be more effective for all across the globe.*

**Keywords:** *human rights, universalism, relativism, UDHR, CDHRI, AHRD*

## PENDAHULUAN

*"Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Kamilah yang menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Tuhan ialah orang yang lebih bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Tuhan Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya."*

(Surah al-Hujurāt, 49: 13)

Dunia kini dihuni 7,7 bilion umat manusia.<sup>2</sup> Globalisasi mengecilkan dunia luas lagi pelbagai dalam sebuah perkampungan kecil global (Jan Nederveen Pieterse, 2012: 1-26). Eskalasi yang membenarkan tesis pertembungan peradaban (Bernard Lewis, 1990: 47-60; Samuel P. Huntington, 1996: 22-30)<sup>3</sup> melalui insiden-insiden yang dirasai di Timur dan Barat perlu ditangani melalui tesis dialog peradaban, terutama dalam situasi dunia yang semakin

<sup>2</sup> Worldometers (2020). "Current World Population," <http://www.worldometers.info/world-population/>, dicapai pada 12 Januari 2020.

<sup>3</sup> Dihipotesiskan oleh Bernard Lewis pada 1990.

berpotensi berhadapan dengan malapetaka perang nuklear<sup>4</sup> yang maha dahsyat dan menjadikan apa juga perbezaan kem dalam melindungi hak asasi manusia (HAM) menjadi abu dan sia-sia.

Sejarah menunjukkan suatu pertembungan dan peperangan menyebabkan berlaku kematian dan kemasuhan yang menakutkan. Sepanjang sejarah daripada tahun 0 sehingga 2008, terdapat 449,378,000 sehingga 708,609,000 nyawa, iaitu purata sebanyak 578,993,500 nyawa terkorban akibat peperangan dan konflik dunia. Jumlah ini termasuklah 55,000,000-72,000,000 nyawa yang telah terkorban dalam Perang Dunia Kedua (WWII) (1939-1945); 44,500,000-77,000,000 nyawa telah terkorban dalam peperangan Republik Rakyat China (1949-1975); 40,000,000 nyawa lagi menjadi korban dalam Peperangan Tiga Kerajaan (220-280); 38,000,000-55,000,000 juga telah terkorban dalam Pemerintahan Soviet (1923-1954); 30,000,000-50,000,000 tambahan nyawa lagi terkorban dalam Penaklukan Monggol (dari 1207); 15,000,000-66,000,000 korban nyawa terus bertambah dalam Perang Dunia Pertama (WWI) (1914-1918), 729,000-1,000,000 nyawa dalam pembantaian politik dan etnik di Indonesia (1965-1987) dan ditambah lagi 11,053 nyawa dalam Darurat Malaya (1948-1960) (Naveed S. Sheikh, 2009: 9-20). Kematian ini tidak termasuk kemasuhan fizikal dan tidak fizikal terhadap budaya, peradaban, harta benda dan nasib generasi manusia yang terselamat dalam peperangan dan konflik tersebut (*Ibid.*). Walau bagaimanapun, tiada satupun daripada gabungan peperangan dan konflik ini boleh dibandingkan dengan potensi implikasi perang nuklear, dengan jangkaan kematian dan kecederaan melibatkan 90 juta orang hanya dalam masa beberapa jam pertama konflik (Science and Global Security, 2019).

Potensi kematian dan kemasuhan boleh dikurangkan, dielak berlanjutan dan diselesaikan melalui suatu perjanjian yang boleh berfungsi sama ada sebagai *soft law* atau *hard law* (Nik Muhamad Marzuki Muhamad Nor, 2016: 1-33). Dalam konteks pengalaman dunia semasa, WWI dan WWII telah ditamatkan melalui suatu perjanjian merangkumi tentang HAM. Di sudut inilah persoalan HAM menjadi suatu kepentingan yang mendesak dan tidak boleh dikesampingkan oleh ahli akademik, ahli politik, agamawan dan masyarakat amnya, sebelum perang nuklear, almageddon, malhamah atau Perang Dunia Ketiga (WWIII) yang tidak diingini benar-benar berlaku. Ia boleh menyebabkan perlanggaran HAM terbesar dan paling menakutkan dalam sejarah. Sekali gus, ia boleh diinterpretasikan sebagai sebahagian daripada tesis yang membenarkan

---

<sup>4</sup> Perang nuklear dirujuk sebagai ‘malhamah’ dan ‘armageddon’ oleh sebagian cendekiawan Islam dan Kristian yang merujuk kepada perang akhir zaman.

kegusaran para malaikat terhadap manusia sebelum penciptaannya.<sup>5</sup> Namun, apa yang sebenarnya berlaku lebih diketahui oleh Tuhan, dari perspektif Islam, Kristian, Yahudi dan kebanyakan agama lain.

## **SEJARAH PERKEMBANGAN HAK ASASI MANUSIA**

Apakah yang dimaksudkan dengan HAM? Istilah ini mencadangkan HAM ialah hak manusia. Ia merupakan hak-hak sama yang dimiliki oleh setiap manusia hanya kerana mereka ialah manusia (Nik Muhd Marzuki Muhd Nor, 2016: 1-33). Ia lebih luas daripada hak seseorang sebagai warganegara, bukan warganegara, atau tidak bernegera (Iancu, 2002: 35). HAM telah wujud sejak sekian lama dalam semua budaya dan tamadun manusia. Kewujudannya bermula seawal usia sejarah manusia pertama. Ia berkembang daripada keadaan mudah, ringkas dan bersahaja kepada suatu yang lebih kompleks sehinggalah ia ditulis dan dikodifikasi sebagai suatu perundangan yang boleh dikuasa dan dihakimi.

### **1. Hak Asasi Manusia Versi Awal**

Sejarah hak asasi terawal secara bertulis ialah Kod Hammurabi di Babylon pada 4000 tahun dahulu yang bertujuan menyedarkan masyarakat mengenai hak dan tanggungjawab (David Shiman, 1999.). Di samping itu, budaya Parsi telah menyumbang Deklarasi *Cyrus Cylinder* pada 539 BC.<sup>6</sup> Budaya India pula menyumbang Pengisytiharan Ashoka (Wouter Henkelman et al., 2010: 233-265) melalui Atoka pada 272-231 BC. Manakala, paling menonjol ialah budaya Islam yang menyumbang Perlembagaan Madinah (Abdul Azeez Maruf Olayemi et al., 2015: 27-36) pada 622 AD dan Khutbah Wada' (Riaz Ahmad Saeed, 2013: 7-27; Mahamad Naser Disa, 2012) melalui Nabi Muhammad SAW. Semua yang di atas merupakan sebahagian daripada sumber-sumber kod bertulis terawal yang menggariskan hak dan tanggungjawab manusia. Sekalipun ia masih wujud, implementasi hak asasi berasaskan sumber-sumber awal ini hampir terhapus oleh penjajahan dan imperialism Barat (Marek Hrubec, 2010: 183-205).

<sup>5</sup> Surah al-Baqarah, 2: 30 [Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya: “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.”].

<sup>6</sup> Declaration of Intentions oleh Maharaja Parsi, iaitu *Cyrus the Great* selepas menakluki Empayar Neo-Babylon.

Manakala dari perspektif Barat, idea HAM mula dikodifikasikan melalui *Magna Carta* pada 1215 (Henry Marsh, 1971: 51).<sup>7</sup> Dari perspektif *renaissance (enlightenment)* Barat pula HAM merupakan fenomena baharu yang mula dikordifikasikan melalui *English Bill of Rights* pada 1689, *United States Declaration of Independence* pada 1776, *United States Constitution* pada 1789, *Bill of Rights* dan *French Declaration of the Rights of Men and Citizens* pada 1789. Dari sinilah juga bermula zaman moden dari perspektif *renaissance* Barat.

## 2. Hak Asasi Manusia Versi Liga Bangsa

HAM merupakan salah satu aspek penting dalam *League of Nations* atau Liga Bangsa (LB) yang ditubuhkan pada 1919-1946. Sebelum LB, terdapat peristiwa atau badan antarabangsa lain yang menjadi tulang belakang yang membawa kepada penubuhannya, iaitu: (i) *Inter-Parliamentary Union* (IPU) pada 1889 yang diasaskan oleh William Randall Cremer dari British; (ii) *International Peace Bureau* pada 1891 yang diketuai oleh Fredrik Bajer dari Denmark, (iii) WWI 1914, *Women's International League of Peace and Freedom*, dan Ucapan “14 Poin” President Woodrow (UNOG Library, Registry, Records and Archives Unit, n.d.: 1-2).

LB ditubuhkan oleh kuasa-kuasa yang memenangi WWI<sup>8</sup> untuk mengelakkan berulang kembali malapetaka perang (UNOG Library, Registry, Records and Archives Unit, n.d.: 3). Badan utamanya ialah Majlis (*Council*), Perhimpunan (*Assembly*), dan Mahkamah Keadilan (*Permanent Court of Justice*) (*Ibid.*). Matlamat utama LB (*Ibid.*) ialah mengekalkan keamanan dalam kerangka prinsip asas keamanan yang diterima oleh 23 negara anggota awal (Manley O. Hudson, 1924: 436-458) berdasarkan 26 Artikel Kovenan LB 1919 (John Humphrey, 1973: 1-4; Hilpold, 2013: 87-12; Pamela Bromley, 2008). Berasaskan kerangka keamanan ini, suatu perjanjian dideraf dan para pembuat dasar daripada kuasa-kuasa tersebut mempertimbangkan hak kumpulan manusia tertentu, iaitu hak wanita dan kanak-kanak, hak pekerja, hak minoriti dan hak agama untuk diperuntukkan dalam Artikel 23 Kovenan Liga (John Humphrey, 1973; Pamela Bromley, 2008). Pada akhirnya, hasil daripada tolak ansur para pembuat dasar, hanya hak wanita dan kanak-kanak,

<sup>7</sup> Menurut Henry Mash, seorang ilmuan terkenal Barat, *Magna Carta* tidak lebih daripada piagam atau persetujuan antara tuan tanah dan berkaitan pengkebumian.

<sup>8</sup> Perang Dunia Pertama bertitik tolak daripada pembunuhan Archduke Austria Franz Ferdinand di Sarajevo pada 28 Jun 1914 semasa kumpulan-kumpulan perikatan, nasionalis dan etnik Eropah dalam situasi tidak stabil.

serta hak pekerja dimasukkan dalam Artikel 26. Kovenan Liga tersebut menginspirasikan kelulusan sejumlah konvensyen perundangan, seperti Konvensyen Pertubuhan Pekerja Antarabangsa 1919 (Van Daela, 2008: 485-511), Konvensyen Halangan Pemerdagangan Wanita dan Kanak-kanak 1921 (Megan C. Brand, 2010: 12-19) dan Konvensyen Perhambaan 1926. Sebagai anggota yang telah menandatangani dan terikat dengan Kovenan Liga, negara-negara diminta untuk menggubal perundangan domestik, termasuk Perlembagaan yang bersesuaian dengan kovenan dan konvensyen sedia ada (John Humphrey, 1973).

LB mengalami kejayaan besar pada tahun-tahun awal kewujudannya. Berasaskan kerangka keamanannya, beberapa konflik antarabangsa berjaya ditangani, seperti penyelesaian damai antara Greece dan Bulgaria. Walau bagaimanapun, LB kemudiannya gagal menghalang serangan Jepun ke atas Manchuria, gagal menghalang perluasan kuasa Italy ke atas Ethopia, dan gagal menghalang serangan Hitler ke atas Austria pada 1938. Ketidakmampuan untuk menghalang konflik-konflik dunia, pengasingan negara-negara anggota dan perperangan mempengaruhi kejatuhan LB bermula pada 1940. Semasa keberadaannya, banyak persidangan, jawatankuasa antara kerajaan, mesyuarat pakar dijalankan di Geneva dalam bidang luas seperti kesihatan dan kebijakan sosial, pengangkutan dan komunikasi, hal ehwal ekonomi dan kewangan, serta kerjasama intelektual, yang setiap satunya boleh dikaitkan dengan HAM walaupun masih belum dikordifikasikan di LB. Ia berjaya mendapatkan ratifikasi terhadap lebih daripada seratus konvensyen perundangan daripada 54 negara anggota (Manley O. Hudson, 1924: 436-458).<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, kegagalan LB di atas menyebabkan kejatuhannya dan memberi implikasi terhadap kejatuhan versi HAM yang dilindunginya. Kejatuhan ini menyebabkan hampir semua operasi LB diambil alih dan dijenamakan semula (UNOG Library, Registry, Records and Archives Unit, n.d.) di dalam pertubuhan antara kerajaan antarabangsa yang ditubuhkan selanjutnya (*Ibid.*).

### **3. Hak Asasi Manusia Versi Pertubuhan Bangsa Bersatu**

*United Nations* atau Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan oleh 51 negara anggota awal pada 1945 (Sunil Amrith & Glenda Sluga, 2008: 251-274) di bawah pengaruh kuasa 5 negara yang mendakwa memenangi WWII.<sup>10</sup> Atas

<sup>9</sup> Terdapat 23 negara anggota awal yang meningkat kepada 33 negara sebelum Perhimpunan Pertama dan keanggotaannya terus meningkat sehinggalah ke Perhimpunan Ke-4.

<sup>10</sup> N.a. (2019). “Dr M Tells UN General Assembly: Modify Veto Power to Prevent Abuses,” *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=NLIk2TwDA74>, dicapai pada 8 Oktober 2019.

dasar kemenangan tersebut, kuasa tersebut menuntut hak memerintah dunia daripada LB. Kuasa tersebut memberi kuasa veto (Norman J. Padelford, 1948: 227-246)<sup>11</sup> kepada diri sendiri untuk menentukan nasib dunia melalui PBB. Seperti pendahulunya, matlamat penubuhan PBB ialah untuk menamatkan perperangan dan menyelesaikan konflik.<sup>12</sup> PBB mengambil alih operasi LB, seperti: Pejabat Pentadbiran LB di Geneva ditukar menjadi *United Nations Office at Geneva* (UNOG), Konevan LB ditambah baik dan ditukar menjadi Piagam PBB, aktiviti ekonomi diserahkan kepada urusan *Economic and Social Council*; *Health Organization* dijenamakan sebagai *World Health Organization (WHO)*; *Nutrition Committee* dijenamakan sebagai *Food and Agriculture Organization (FAO)*, *Committee of Intellectual Cooperation* dijenamakan sebagai *Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*; *Permanent Mandates Commission* diganti dengan *Trusteeship Council*; dan kerja-kerja *Nansen Office* disambung oleh *United Nations Relief and Rehabilitation Administration (UNRRA)* dan *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* (UNOG Library, Registry, Records and Archives Unit, n.d.). Kebangkitan PBB juga memberi laluan kepada kebangkitan versi baharu perundangan hak asasi manusia antarabangsa (IHRL), iaitu berdasarkan *Universal Declaration of Human Rights 1948* (UDHR).

Sebelum UDHR di PBB, wujud perdebatan dan ketidaksetujuan terhadap idea kesejagatan HAM. Projek kesejagatan HAM diperdebatkan sebagai suatu yang munasabah atau tidak munasabah. Sekiranya ia projek munasabah, adakah kesejagatan tersebut diasaskan kepada satu budaya sahaja atau satu konsensus antara semua budaya. Timbul persoalan, antara lain, adakah tanggapan terhadap ‘rights’, hak atau benar itu sama dalam semua budaya? *American Anthropological Association* pada 1947 mengambil keputusan untuk membantah idea kesejagatan deklarasi HAM yang dicadangkan tersebut (*American Anthropological Association*, 1947: 539-543). Alasannya ialah idea benar dan salah ditanggap secara berbeza dalam kebanyakan masyarakat (Adamantia Pollis & Peter Schwab Boulder, 2000: 259; Hilde Hey, 2001: 24-30). Suruhanjaya Hak Asasi Manusia atau *UN Human Rights Committee* (HRC) juga gagal mengambil kira dua perkara penting, iaitu penghormatan terhadap personaliti individu dan haknya sebagai sebahagian daripada masyarakat, dan penghormatan terhadap budaya-budaya berbeza dalam masyarakat manusia (*American Anthropological Association*, 1947: 539-543). Justeru, masalah sebenar bukanlah tentang HAM, sebaliknya hak manusia dalam kerangka

<sup>11</sup> Ini menimbulkan masalah penyalahgunaan kuasa veto.

<sup>12</sup> Bernama (2019). “Modify Veto Power to Prevent Abuses, Says Dr M,” *The Star Online*, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/09/29/modify-veto-power-to-prevent-abuse-says-dr-m>, dicapai pada 29 September 2019.

yang ditetapkan oleh masyarakat tertentu atas masyarakat lain. Hanya dengan pengiktirafan bahawa manusia boleh hidup dalam tradisi dan budaya mereka sahajalah yang boleh menjadikan HAM dalam draf UDHR diterima dalam keadaan kukuh dan berdasarkan pengetahuan saintifik moden (*Ibid.*: 543).

Sekalipun mendapat bantahan, negara-negara yang memenangi perang tetap menginginkan idea kesejagatan HAM dan membawa agenda draf deklarasi HAM antarabangsa (Judge Edward, 2003: 138-169) ke Perhimpunan Agung PBB untuk dibincang dan diundi oleh 58 negara anggota pada 10 Disember 1948. Agenda tersebut berjaya diluluskan dengan: i) 48 negara bersetuju, iaitu Afghanistan, Argentina, Australia, Belgium, Bolivia, Brazil, Burma, Canada, Chile, China, Colombia, Costa Rica, Cuba, Denmark, Dominican Republic, Ecuador, Egypt, El Salvador, Ethiopia, France, Greece, Guatemala, Haiti, Iceland, India, Iran, Iraq, Lebanon, Liberia, Luxembourg, Mexico, Netherlands, New Zealand, Nicaragua, Norway, Pakistan, Panama, Paraguay, Peru, Philippines, Siam, Sweden, Syria, Turkey, United Kingdom, United States, Uruguay dan Venezuela; ii) 8 negara menentang, iaitu Byelorussian SSR, Czechoslovakia, Poland, Saudi Arabia, Ukrainian SSR, Union of South Africa, USSR, Yugoslavia; dan iii) 2 negara tidak mengundi, iaitu Honduras dan Yemen. Selepas kelulusan resolusi ini, terbentuklah IHRL dan ia dinamakan sebagai “*International Bill of Rights: Universal Declaration of Human Rights*” (United Nations, 1945: 71-77).<sup>13</sup>

Idea kesejagatan dalam UDHR menyebabkannya dikenali sebagai pendekatan *kem kesejagatan (universalisme)*. Kesejagatan UDHR mempunyai pengaruh besar terhadap perlembagaan-perlembagaan dan undang-undang hampir setiap negara serta dirasai dalam hubungan kemanusiaan antara penduduknya.

#### **4. Hak Asasi Manusia Versi Pertubuhan Antarabangsa Lain**

Susulan langsung daripada UDHR, negara-negara Barat yang berperanan besar dalam memperkenalkan deklarasi ini, kemudiannya menggubal deklarasi-deklarasi ‘regional’ sendiri dan mengembangkan instrument perundangan HAM sendiri. Eropah melalui *Council of Europe* (COE) (Gordon L. Weil, 1963: 804-827; Council of Europe, n.d.: 5-58) mengisyiharkan *European Convention of Human Rights 1950* (ECHR), dan diiringi Amerika melalui *General Assembly of Organization of American States* (OAS) (Organization of American States, 1969: 1-21) mengisyiharkan *American Convention of Human Rights 1969* (ACHR). Sekali gus, perlembagaan negara-negara yang

---

<sup>13</sup> Lihat juga United Nations, [https://undocs.org/A/RES/217\(III\)](https://undocs.org/A/RES/217(III))

pernah berada di bawah pengaruh penjajahan atau imperialisme Barat turut dipengaruhi oleh deklarasi-deklarasi di atas.<sup>14</sup>

Masyarakat antarabangsa lain yang masih merasakan budaya-budaya mereka tidak dipertimbangkan secara serius dalam UDHR menyediakan deklarasi HAM ‘alternatif’ yang menjelaskan perspektif masing-masing terhadap HAM. Negara-negara Afrika melalui *Organization of African Unity* (OAU) mengisyiharkan *African Charter of Human and Peoples’ Rights 1981* (ACHPR) (A. Bolaji Akinyemi, 1985: 207-238). Negara-negara Islam pula melalui *Organization of Islamic Cooperation* (OIC), mengisyiharkan *Cairo Declaration on Human Rights in Islam 1990* (CDHRI) (Nik Salida Suhaila Nik Saleh, 2012: 155-164). Negara-negara Arab melalui *League of Arab States* (LAS) mengisyiharkan *Arab Charter of Human Rights 1994* (‘ACHR’) (Fida Hammami, 2012: 10-14; Dalia Vitkauskaitė-Meurice, 2010: 165-180). Terkini ialah *ASEAN Human Rights Declaration 2012* (AHRD) yang diisyiharkan melalui *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) (Nicholas Doyle, 2014: 67-101). Terdapat juga usaha untuk meluluskan deklarasi berasaskan tanggungjawab, iaitu *Universal Declaration of Human Responsibility* di PBB.<sup>15</sup> Idea HAM ‘regional’ selepas UDHR kebiasaannya dikenali sebagai pendekatan *kem kepelbagaian (relativisme)*.

## 5. Hak Asasi Manusia Versi-Versi Lain

Deklarasi, piagam, pengistiharan HAM tidak terhenti setakat deklarasi-deklarasi di atas sahaja. Terdapat banyak deklarasi dan dokumen HAM lain yang berkongsi persamaan dan perbezaan dengan deklarasi-deklarasi tersebut, antaranya ialah *Declaration of Human Rights in Japan [Suiheisha Declaration]* pada 1922 (Megumi Komori, n.d.: 1-2), *Declaration of the Basic Duties of ASEAN Peoples and Governments* pada 1983 (Regional Council in Human Rights in Asia, n.d.: 1-11), *Draft Pacific Charter of Human Rights* pada 1989 (Lawasia Human Rights Committee, 1989: 1-66), *Draft Philippine*

<sup>14</sup> *Fundamental Liberties* di Bahagian 2 Artikel 5 hingga Artikel 13 dalam Perlembagaan Persekutuan, contohnya, lebih berdasarkan kepada hak sivil dan politik yang dianggap sebagai hak asasi manusia oleh Blok Amerika, tetapi tidak dianggap sebagai hak asasi manusia oleh Blok USSR.

<sup>15</sup> ICAAP (2019). “Universal Declaration of Human Responsibility,” <http://globalization.icaap.org/content/v2.2/declare.html>, dicapai pada 1 September 2019; Lihat juga <http://timwees.com/udhr.pdf>; Inter Action Council (2019). <http://www.interactioncouncil.org/udhr/declaration/udhr.pdf>, dicapai pada 2 September 2019.

*Declaration of Human and People's Rights* pada 1990 (Reynaldo, 1991), *Human Rights Declaration by the ASEAN Inter-Parliamentary Organization (AIPO)* pada 1993 (Eva Brems, 2001: 75; ASEAN Inter-Parliamentary Organization, 1993: 1-4), *Final Declaration of the Regional Meeting for Asia of the World Conference on Human Rights* pada 1993 (United Nations High Commissioner for Human Rights, 1993; Preparatory Committee, 1993: 1-65), *Malaysian Charter on Human Rights* pada 1994,<sup>16</sup> *Our Common Humanity - Asian Human Rights Charter* pada 1998 (Yash Ghai, 1998: 539-552), *The Human and Peoples' Rights Declaration of the Philippines* pada 2001,<sup>17</sup> *Osaka City University Declaration of Human Rights* pada 2001 (Yoshiro Nabeshima et al., 1999: 23-36), *Charter of Human Rights and Responsibilities: Victoria State* pada 2006,<sup>18</sup> *The Ambedkar Principles* pada 2009 (Landelijke India Werkgroep, n.d.: 1-8), dan *Gwangju Human Rights Charter* pada 2012.<sup>19</sup>

Terdapat juga banyak deklarasi persidangan, antaranya ialah *Final Document of the Conference-Workshop on Asia-Pacific Human Rights Education for Development* pada 1995 (Hurights Osaka, 2011: 271-300), *Conclusions and Recommendations of the Experts Meeting on Human Rights in the Asia-Pacific* pada 1995, *Beijing Statement of Principles of the Independence of the Judiciary in the Lawasia Region* pada 1995, *Tasks for the UN Decade for Human Rights Education* pada 1995-2004 -*The Right to Human Rights Education* pada 1996, *The Osaka Declaration* pada 1998, *The Pune Declaration on "Education for Human Rights in Asia & the Pacific"* diluluskan oleh *Asia & Pacific Regional Conference on Education for Human Rights* pada 1999, *Karachi Declaration* pada 2000, *Neemrana Declaration* pada 2000 (Yunas Samad, 2000: 38-42), *Declaration of the Asia-Pacific NGO Forum* pada 2001, *Bhopal Declaration* pada 2002, *Colombo Declaration* pada 2002, *ASEAN Declaration Against Trafficking in Persons Particularly Women and Children* pada 2004, *Kathmandu Dalit Declaration* pada 2004, *Ridoypur Declaration of Fourth SAARC Peoples' Forum* pada 2005 (Institute of Foreign Affairs Tripureshwor, 2010: 92-99), *Manila Declaration for a 21st*

<sup>16</sup> Lihat Hurights Osaka (2019). “Malaysian Charter on Human Rights,” [https://www.hurights.or.jp/archives/other\\_documents/section1/1994/03/malaysian-charter-on-human-rights-1994.html](https://www.hurights.or.jp/archives/other_documents/section1/1994/03/malaysian-charter-on-human-rights-1994.html), dicapai pada 3 September 2019.

<sup>17</sup> Sumbangan Kumpulan Kerja Penderaan AHRD.

<sup>18</sup> Charter of Human Rights and Responsibilities Act (Victoria) 2006, 1-49.

<sup>19</sup> Office of High Commissioner of Human Rights (2019). “Achievements and Challenges of the Human Rights City Gwangju,” <https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/HRCouncil/AdvisoryCom/LocalGvt/Gwangju%20Metropolitan%20City,%20Republic%20of%20Korea.pdf>, dicapai pada 4 September 2019.

*Century Independent Judiciary* pada 2005, *Dalit Rights Kathmandu Charter* pada 2007, *Turning up the Volume - Mekong Youth Raise their Voices against Human Trafficking* pada 2007, *Youth Declaration at the 5th APCRSHR* pada 2009, *Declaration on the Rights of School Refusing Children* pada 2009, *Chiba Declaration for a Child Friendly Asia Pacific* pada 2009, *Outcome of the Bangkok Judicial Colloquium on the Domestic Application of International Human Rights Norms* pada 2009, *Solo City Declaration of Children's Participation for a Child Friendly Asia Pacific* pada 2011, *Youth Forum Declaration* pada 2011, *Kathmandu Declaration on Child Friendly Local Governance* pada 2013 (United Nations Children's Fund, 2017: 1-58) dan lain-lain.

Rumusannya, sejarah perkembangan di atas menunjukkan idea HAM sudah lama wujud dan ia bukan berasal atau dilindungi budaya tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, perspektif *renaissance* Barat masih berpegang bahawa HAM merupakan fenomena baharu yang belum pernah berlaku sepanjang sejarah manusia. Kepelbagaiannya deklarasi di atas menunjukkan HAM telah diterima sebagai sebahagian daripada undang-undang antarabangsa oleh pertubuhan-pertubuhan utama dunia. Dunia antarabangsa, regional dan negara-negara semasa juga dibentuk berdasarkan kerangka HAM.

## **PERSEPSI TERHADAP HAK ASASI MANUSIA**

Persepsi terhadap HAM di bawah dibahagikan kepada persepsi global, persepsi rantau, persepsi negara-negara dan persepsi isu dan golongan tertentu.

### **1. Persepsi Global**

Sejarah dunia semasa menunjukkan terdapat paradoks perbezaan persepsi terhadap HAM dan ia melahirkan wujudnya kebimbangan terhadap masa hadapan HAM. Buktinya berlaku dalam banyak perkembangan. Paradoks ini disebabkan oleh golongan profesional yang terlibat langsung dalam bidang HAM sendiri. Beberapa anjakan diperlukan dalam mempromosikan visi HAM yang lebih positif dan seimbang dalam perkembangan dan cabaran HAM pada masa hadapan. Ia bermula daripada beberapa perbincangan yang telah diabaikan untuk mencapai bidang HAM yang lebih luas, iaitu berkaitan dengan: i) penilaian terhadap cara-cara yang telus dalam pengalaman profesional membentuk mesej dan pandangan alam dalam kalangan pihak penyokong HAM; ii) peranan yang dimainkan oleh pihak pengkritik HAM dalam mempromosikan pemikiran baharu dan reformis; iii) perlunya penyokong HAM untuk melewati batasan model rujukan perundangan sedia ada dalam usaha mereka untuk memupuk perubahan positif (Dustin, 2019: 296-304). Ini

menunjukkan paradoks perbezaan HAM pada masa hadapan akan berterusan sekiranya perbincangan aspek-aspek yang masih belum selesai tidak dapat dijalankan dengan telus.

Kajian Pew Research Center pada 2013 mendapati persepsi masyarakat awam lebih positif terhadap PBB, yang umumnya turut merangkumi peranannya dalam HAM. Kajian tersebut dijalankan di 7 negara Amerika Latin dan 6 negara Afrika. Walau bagaimanapun, kajian soal selidik daripada *Human Rights Perception Polls* (HRPPs) melibatkan melibatkan 8,885 responden pada 2012-2016 dari semua benua di Global South<sup>20</sup> pula mendapati semua masyarakat awam mempunyai persepsi negatif terhadap PBB, di mana ia menjadi alat kepada Amerika Syarikat. Semakin tinggi masyarakat tidak mempercayai Amerika Syarikat semakin tinggi lagi ketidakpercayaan mereka terhadap PBB dan begitu jugalah sebaliknya. Ramai orang Amerika berpandangan PBB menentang atau menyekat kuasa Amerika, tetapi orang di negara-negara membangun berpersepsi sebaliknya di mana Amerika dan PBB dilihat sedang memajukan agenda sama. Mexico, Ecuador, Colombia dan Nigeria berada dalam sekitar skala pertengahan (.5), Mumbai pada skala agak tidak percaya (.46), dan Rabat/ Casablanca amat skeptik (.29) terhadap PBB.<sup>21</sup>

Kaji selidik HAM global terhadap PBB yang melibatkan 23,249 orang dewasa berusia 18-64 tahun pada 25 Mei hingga 8 Jun 2018 di 28 negara, termasuk Australia, China, Malaysia, Rusia, Arab Saudi, Turkey dan Amerika pula menunjukkan prestasi PBB dalam urusan HAM jatuh di tangga ke-13 daripada 14 pertubuhan dengan dapatan: prestasi baik (51%); prestasi buruk (13%); tiada beza (23%); dan tidak tahu (13%). Rekod prestasi PBB lebih baik daripada pertubuhan Liberty, tetapi lebih buruk berbanding 12 pertubuhan lain, iaitu *International Committee of the Red Cross, Protection International, Anti-Slavery International, Human Rights Campaign, International Rights Protection Office, International Federation for Human Rights, Amnesty International, Human Rights Watch, Global Rights, Refugees International, Lawyers Without Borders* dan *UN Watch* (Ipsos Public Affairs, 2018: 37).

Pihak berkepentingan mempunyai persepsi bahawa UDHR merupakan mercu tanda kepada HAM dalam dunia semasa. Walau bagaimanapun, ia tidak diterima sebagai deklarasi yang berdasarkan konsensus antara budaya yang

<sup>20</sup> Global South digunakan oleh Bank Dunia dengan merujuk kepada negara-negara berpendapatan rendah di Asia, Afrika, Amerika Latin, dan Kepulauan Caribbean.

<sup>21</sup> Charles T. Call, David Crow & James Ron (2017). "Is the UN a Friend or Foe," *Open Global Rights*, <https://www.openglobalrights.org/order-from-chaos-is-the-un-a-friend-or-foe/order-from-chaos-is-the-un-a-friend-or-foe/>, dicapai pada 17 November 2017.

dipersetujui bersama. Ini disebabkan UDHR yang menginspirasikan semua triti dan konvenyen HAM di PBB, bermula daripada *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) yang berkaitan hak-hak sivil dan politik, dan *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* yang berkaitan hak-hak ekonomi, sosial dan budaya mengalami masalah ‘kecacatan lahir’ dari awal pengisytiharannya akibat daripada dominasi budaya Barat. Sebagai respon balas, budaya-budaya lain mengisytiharkan deklarasi-deklarasi berbeza, khasnya *African Charter of Human and Peoples' Rights* (ACPHR), *Cairo Declaration of Human Rights in Islam* (CDHRI) dan *ASEAN Human Rights Declaration* (AHRD). Kajian mencadangkan agar kerjasama dalam membentuk dokumen perundangan HAM sebagai ‘Magna Carta’ yang berasaskan konsensus antara budaya untuk semua manusia. Kajian ini memperolehi data dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam bersama pihak berkepentingan di Malaysia yang terlibat secara langsung dalam bidang HAM. Ia terdiri daripada individu-individu berlatarbelakang agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Luar Negeri (KLN), Pejabat Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), organisasi HAM seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan *Independent Permanent Human Rights Commission* (IPHRC) dan masyarakat sivil seperti SUARAM, Pusat Komas daripada COMANGO, CENTHRA, ABIM dan ISMA (Nik Muhd Marzuki Muhd Nor, 2020: 256).

## 2. Persepsi Rantau

Persepsi terhadap HAM di 55 buah negara dari kebanyakan rantau, termasuk Eropah Tengah dan Eropah Timur pula menunjukkan konsep HAM berkongsi pengertian sama dalam benak pemikiran orang awam dan golongan pakar, iaitu sekurang-kurangnya sebahagian nilai HAM. Ia berdasarkan dapatan yang menunjukkan wujudnya hubungan antara pengukuran terhadap keadaan HAM yang dibuat oleh golongan pakar dan persepsi umum masyarakat terhadap HAM, termasuk dari aspek khusus seperti kebebasan daripada seksaan (*torture*). Kajian ini dijalankan berdasarkan soal selidik. Kajian turut berpandangan persepsi terhadap HAM dibentuk oleh persekitaran nasional HAM, dan dipengaruhi oleh faktor individu-individu, seperti kesetiaan terhadap gender dan politik (Matthew Carlson & Ola Listhaug, 2007: 465-483). Ini menunjukkan HAM juga boleh mempunyai pengertian berbeza pada sebahagian nilai-nilai lain dalam benak pemikiran masyarakat awam dan golongan pakar.

Berdasarkan data kuantitatif daripada *Human Rights Perception Polls* yang dfokuskan kepada 4 negara pula menunjukkan persepsi terhadap istilah “hak

“asasi manusia” berada pada tahap tinggi di Colombia, Mexico dan sebahagian Maghribi, berbanding tahap sederhana di sekitar Mumbai. Terdapat hubungan personal yang terbatas antara masyarakat awam dengan aktivis, pekerja dan sukarelawan HAM. Adalah boleh diandaikan bahawa masyarakat awam dipengaruhi oleh status sosio-ekonomi, berdasarkan dua indikasi di atas. Golongan yang lebih terbiasa dengan istilah “hak asasi manusia” merupakan individu-individu yang lebih berpendidikan, lebih kaya dan tinggal di bandar dan mempunyai capaian internet (Ron, David Crow & Shannon Golden, 2014: 334-351). Ini menunjukkan istilah “HAM” masih belum menjadi suatu mantap, difahami dan terbiasa di sesetengah negara, berbanding negara-negara lain.

### **3. Persepsi Negara-Negara**

Kajian persepsi terhadap HAM di Malaysia menurut *Human Rights Perception Polls* turut mendapati masyarakat mempunyai pengetahuan umum yang baik mengenai HAM (73%); dan masyarakat juga berpandangan bahawa undang-undang diperlukan untuk melindungi HAM dalam negara (83%); tetapi dalam masa sama berpegang bahawa HAM tidak mempunyai makna dalam kehidupan seharian (53%). Di samping itu, masyarakat percaya sesuatu perlanggaran HAM yang masalah kepada sesebuah negara tidak semestinya menjadi masalah perlanggaran kepada negara lain (48%); sesetengah orang juga mengambil kesempatan yang tidak adil daripada HAM (71%); dan orang yang mendapat manfaat HAM ialah mereka yang tidak layak mendapatnya seperti penjenayah dan pengganas (46%); Walau bagaimanapun, semua orang mendapat hak asas yang sama (59%); kerana HAM penting dalam mewujudkan masyarakat yang adil (80%). Memandangkan Malaysia mempunyai tahap capaian internet yang lebih rendah, kajian berpandangan persampelannya tidak boleh dianggap mewakili keseluruhan masyarakat di Malaysia (Ipsos Public Affairs, 2018: 2-17).

Dalam konteks lebih khusus di Mexico, persepsi terhadap HAM amat berkait rapat dengan kedua-dua peringkat, iaitu peringkat negara dan peringkat individu. Ia bertepatan dengan dapatan yang menunjukkan aktiviti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CNDH) sebagai organisasi HAM yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk memastikan pelindungan standard HAM nasional dan antarabangsa telah berjaya meningkatkan tahap persepsi positif individu-individu terhadap HAM. Walau bagaimanapun, persepsi negatif terhadap HAM dapat diperhatikan pada tahun 2012 melalui isu rasuah, isu pesalah dibebaskan daripada hukuman, isu diskriminasi, isu kemiskinan, di samping isu keadilan dan isu kebebasan bersuara. Ianya berbeza dengan data kuantitatif daripada *World Values Survey* menunjukkan

wujudnya persepsi positif pada tahun 2005 dan 2010, iaitu sebelum kerajaan menjalankan perang ke atas dadah. Persepsi negatif lebih tertonjol dalam kalangan individu-individu yang hidup di bandar, berbanding di luar bandar. Terdapat korelasi antara persepsi individu-individu terhadap HAM dan kepercayaan terhadap mahkamah dan polis (Dona-Gene Barton et al., 2017: 293-313). Ini menunjukkan perbezaan persepsi boleh wujud terhadap HAM berdasarkan realiti tertentu dalam sesebuah negara.

Di Zimbabwe pula, terdapat persepsi umum bahawa kebanyakan masyarakat mengetahui hak-hak mereka. Walau bagaimanapun, pengetahuan ini tidak menghalang berlakunya pelanggaran terhadap HAM. Pelanggaran ini disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu kekurangan dari aspek pendidikan HAM, ketakutan melaporkan pelanggaran kerana merasakan perlindungan kerajaan yang tidak mencukupi, dan kekurangan dari aspek sumber-sumber untuk menuntut keadilan (Ndondo Shepherd, 2014: 1-7). Ini menunjukkan sesebuah kerajaan juga harus memastikan perlindungan HAM disokong oleh dasar dan amalan yang positif.

Kesedaran dan persepsi awam terhadap perlindungan HAM di Uganda pula menunjukkan tahap kesedaran awam terhadap Perlembagaan dan kandungannya dalam melindungi HAM berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, pelanggaran HAM masih banyak berlaku, khasnya di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Masyarakat Uganda umumnya mempunyai persepsi bahawa kerajaan bertanggungjawab atas kebanyakan pelanggaran HAM yang berlaku dalam negara (John Cantius Mubangizi, 2005: 166-186). Ini menunjukkan kerangka perlumbagaan sesebuah negara perlu diambil manfaat dalam melindungi HAM dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, kerangka perlumbagaan sesebuah negara turut dipengaruhi oleh sesuatu kerangka pendekatan HAM.

#### **4. Persepsi Isu dan Golongan**

Kesedaran dan persepsi terhadap HAM turut melibatkan isu-isu khusus seperti isu kesihatan ibu. Di kawasan luar bandar Bangladesh, dua pertiga wanita kajian didapati menyedari mereka punya hak-hak berkaitan kesihatan ibu. Namun, hanya 10% mampu menyebut sekurang-kurangnya tiga hak-hak berkaitan yang khusus. Sebanyak 20% wanita tersebut berpegang bahawa kerajaan merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam melindungi hak tersebut, berbanding separuh daripada mereka berpegang bahawa suamilah merupakan pihak yang bertanggungjawab. Sepertiga wanita pula menyatakan mereka mendapat hak kesihatan ibu dengan cara memuaskan. Penjagaan semasa kehamilan, tahap pendidikan dan status ekonomi mempunyai pengaruh

signifikan terhadap kesedaran dan persepsi ini (Janet E Perkins et al., 2019: 010415).

Persepsi tahap HAM turut direkodkan dalam konteks komuniti individu-individu yang mengalami masalah penyakit mental yang teruk. Di India, hak-hak golongan yang didiagnos dengan kes-kes *schizophrenia*, *bipolar disorder* dan *schizoaffective disorder*, dan mempunyai simptom stabil selama 3 tahun dilindungi perundangan. Walau bagaimanapun, perlanggaran turut berlaku melalui pelbagai cara. Kebanyakan perlanggaran berlaku ke atas lelaki (54.2%), yang mempunyai purata penyakit selama  $10.42 \pm 6.43$  tahun, dengan skor tahap HAM sebanyak  $68.31 \pm 5.95$ . Perlanggaran uatama HAM berlaku dalam masalah peluang pekerjaan (59.2%), diskriminasi peluang pekerjaan (61.3%), bantuan dan penjagaan semasa perkembangan penyakit (64.5%), peluang mendapatkan rawatan dan kos yang sama (60.5%), penglibatan dalam membuat keputusan (46.7%), dan tindak balas masyarakat apabila berlaku perlanggaran HAM (44.9%) (Barnadin Shibu et al., 2017: 35-39). Ini menunjukkan perlindungan perundangan semata-mata terhadap HAM tidak menjamin pematuhan di lapangan.

Kajian-kajian di atas menunjukkan wujudnya paradoks perbezaan, kepelbagaian dan persamaan persepsi terhadap HAM di peringkat global, rantau, negara-negara dan individu-individu dalam realiti yang berlainan. Persepsi ini dapat dilihat melalui istilah HAM yang masih belum popular dalam masyarakat tertentu, pengertiannya juga masih terbuka kepada taksiran, dan berkongsi aspek persamaan serta perbezaan tertentu, sehingga kepada keimbangan terhadap masa hadapan HAM. Persepsi-persepsi tersebut juga boleh ditafsirkan secara berbeza oleh pihak-pihak yang bertentangan dalam konteks trend perbezaan pendekatan HAM yang akan dijelaskan selanjutnya.

## **PERBEZAAN PENDEKATAN ‘HAK ASASI MANUSIA’ DAN ‘HAK ASASI MANUSIA’**

Kewujudan instrumen IHRL berasaskan UDHR yang dipersetujui dan diratifikasi oleh kebanyakan negara sehingga zaman ini gagal untuk meyakinkan bahawa kepelbagaian budaya dan tamadun manusia telah pun diambil kira dan diraikan. Kepelbagaian budaya tersebut sememangnya sedia wujud dan dapat dilihat menerusi paradoks pendekatan antara ‘Hak Asasi Manusia’ *kem kesejagatian* atau universalisme (‘HAM’- ‘huruf besar’) dan ‘hak asasi manusia’ *kem kepelbagaian* atau relativisme (‘ham’ - ‘huruf kecil’) (Hopgood,

S., 2013; Hopgood, S., 2011; Hopgood, S., 2006).<sup>22</sup> Perbezaan pendekatan ini berpunca daripada kerumitan dan kepelbagaiannya masyarakat dan tamadun manusia (Hurights Osaka, 2014; Jefferson R. Plantilla & Sebasti L. Raj, 1997). Perbezaan ini dapat juga diperhatikan melalui pelbagai falsafah dan prinsip HAM (Elisabeth Reichert, 2006: 23-36), yang kemudiannya dilembagakan dalam pelbagai piagam, deklarasi, kovenan, konvensyen dan resolusi HAM.

## 1. Permulaan Perbezaan

Paradoks ini bermula sedari awal UDHR 1946. Ramai sarjana pada 1947 berpandangan generalisasi kesejagatian UDHR akan berhadapan dengan perbezaan budaya, dan atas faktor inilah *American Anthropological Association* memperingatkan kemerbahayaan ini kepada *UN Commission on Human Rights* semasa penderafan UDHR (American Anthropological Association, 1947: 539-543). Mereka menegaskan dalam *Statement on Human Rights* bahawa nilai dan standard bergantung secara relatif kepada budaya asal mereka (Roger Lloret Blackburn, 2011: 10). Herkovits, pengarang pernyataan tersebut turut menolak tindakan agensi-agensi antarabangsa seperti PBB dalam mengglobalisasikan nilai moral Barat, dan menganggap UDHR sebagai piagam berasaskan falsafah Eropah, yang tidak boleh menjadi amalan sejagat (Richard, 1997: 2). Ini dijelaskan lagi oleh Jacques Maritain, salah seorang komiti utama penderafan UDHR bahawa (Mary Ann Glendon, 1998: 1153-1190):

*“Yes, we agree about the rights, but on condition that no one asks us why ...I am quite certain that my way of justifying belief in the rights of man and the ideal of liberty, equality, fraternity is the only way with a firm foundation in truth. This does not prevent me from being in agreement on these practical convictions with people who are certain that their way of justifying them, entirely different from mine or opposed to mine...is equally the only way founded upon truth.”*

Resolusi UDHR sebagai sebuah *International Bill of Rights* telah diundi 58 negara anggota dan akhirnya diluluskan dengan 48 negara bersetuju, 8 negara menentang, 2 negara tidak mengundi (United Nations, 1945: 71-77). Ianya jelas

<sup>22</sup> Lihat juga Hopgood, S. (2018). “The End of Human Rights,” *Washington Post*, [www.washingtonpost.com/opinions/the-end-of-human-rights/2014/01/03/7f8fa83c-6742-11e3-ae56-22de072140a2\\_story.html](http://www.washingtonpost.com/opinions/the-end-of-human-rights/2014/01/03/7f8fa83c-6742-11e3-ae56-22de072140a2_story.html), dicapai pada 25 Jun 2018; Hopgood, S. (2016). “The Endtimes of Human Rights?,” *Lecture at Humanitarian Congress Berlin*, <https://www.youtube.com/watch?v=UaQKjT3n1rY>, dicapai pada 26 Jun 2016.

bahawa negara-negara Afrika dan Arab yang tidak mengundi dan penentangan oleh negara-negara blok Komunis di atas menunjukkan wujud masalah rekonsiliasi UDHR dengan nilai budaya mereka, dan wujud juga perbezaan berhubung keutamaan dan pendekatan HAM dalam kalangan negara-negara (Declan O'Sullivan, 1998: 28-29). Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak membawa kepada pertembungan terbuka selepas berakhirnya malapetaka Perang Dunia Kedua (WWII).

Relativis ‘ham’ lazimnya menolak kesejagatan UDHR atas 4 faktor. Pertama, ia dideraf oleh individu-individu dalam kerangka masyarakat mereka yang tidak mengambil kira keprihatinan sebenar masyarakat awam. Kedua, ia mencerminkan niai-nilai Barat, yang menekankan aspek individu dan mengabaikan aspek keluarga dan masyarakat. Ketiga, kerajaan-kerajaan tidak akan menerima norma antarabangsa yang berkonflik dengan nilai budaya setempat atau kepentingan politik domestik sesebuah negara. Keempat, wujudnya imperialisme budaya Barat melalui hak-hak tertentu, seperti pemilikan peribadi, perkahwinan dan kebebasan beragama, yang tidak boleh diharmonikan dengan amalan tradisi dan norma masyarakat bukan Barat (Nhina Le, 2016: 203-211).

Universalis ‘HAM’ mengakui majoriti besar populasi dunia tidak diwakili semasa proses penderafan UDHR disebabkan oleh penjajahan atau dikecualikan daripada pertimbangan sebagai kuasa Axis yang kalah dalam perang. Walau bagaimanapun, HRC juga mempunyai 4 orang pakar bebas dan berpengaruh daripada dunia membangun (Nhina Le, 2016: 205),<sup>23</sup> dan 3 daripada mereka juga merupakan ahli jawatankuasa penderafan UDHR (Alison Dundes Renteln, 1990: 28). Mereka merupakan pakar dengan perundangan antarabangsa dan norma setempat, serta berkemampuan untuk merekonsiliasikan nilai-nilai budaya yang berbeza (Nhina Le, 2016: 205).

## **2. Kesejagatan**

Kesejagatan HAM menjadi suatu kelaziman setelah kelulusan UDHR 1948.<sup>24</sup> Walaupun ia menjadi masyhur dan popular, masyarakat antarabangsa masih berbeza mengenai interpretasi terhadapnya (Steiner, 2000: 324-326). Kesejagatan (*universality*) dan idea kesejagatan (*universalism*) yang sering diperdebatkan merupakan dua konsep berbeza, tetapi mempunyai perkaitan.

<sup>23</sup> Mereka ialah Peng-chun Chang dari China, Charles Malik dari Lebanon, Carlos Rómulo dari Filipina dan Hernán Santa dari Chile.

<sup>24</sup> Kesejagatan HAM disebut dalam UDHR, diulangi dalam *1<sup>st</sup> World Conference on Human Rights* di Tehran pada 1968, dan *2<sup>nd</sup> World Conference on Human Right* di Vienna pada 1993.

Kesejagatan ialah kualiti sejagat atau penerimaan global terhadap idea HAM. Manakala, idea kesejagatan berkait rapat dengan pendekatan mentafsir dan melaksanakan HAM yang berkaitan dengan paradoks perbezaan HAM (Mashhood A. Baderin, 2001: 1) yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan tamadun manusia (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dauly, 1992: 9).

Sebahagian sarjana berhujah perbezaan konsep ini tidak perlu diberi perhatian, sebaliknya fokus hendaklah ditujukan kepada perlanggaran HAM yang berterusan di seluruh dunia (Bobbio, 1996: 12-13). Hujah ini sebenarnya mengabaikan fakta bahawa perbezaan inilah yang memberi kesan besar terhadap jaminan, perlindungan dan pelaksanaan praktikal terhadap HAM secara sejagat. Ia juga bertentangan dengan semangat dan niat asal para penderaf UDHR yang mengenal pasti bahawa “*common understanding of these rights and freedoms is of the greatest importance for the(ir) full realization*”.<sup>25</sup>

Masyarakat antarabangsa ternyata mempunyai kepelbagaian dari sudut ideologi, agama, intelek dan budaya yang menyebabkan wujudnya dikotomi antara ‘HAM’ *kem kesejagatan* dan ‘ham’ *kem kepelbagaian* (Weston, B., 2012: 713-714; Steiner & Alston, 2000: 324-326). IHRL semasa yang wujud bersama dengan perkembangan perundangan HAM lain menggambarkan kesejagatan HAM telah diterima, tetapi wujud perbezaan antara pendekatan *kem kesejagatan* dan *kem kepelbagaian* (Freeman, 2010: 120). Kesannya, kesejagatan ‘HAM’ sedia ada dipersoalkan bukan sahaja dalam perdebatan akademik, bahkan dalam perdebatan politik, media dan awam tanpa wujudnya dialog secara mendalam tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan HAM dan perinciannya (*Ibid.*).

### **3. Kem Kesejagatan dan Kem Kepelbagaian**

‘HAM’ *kem kesejagatan* secara dominan dilembagakan melalui UDHR, ECHR dan ACHR. Manakala, ‘ham’ *kem kepelbagaian* pula dilembagakan melalui ACHPR, CDHRI, ‘ACHR’, AHRD dan semua deklarasi ‘regional’ HAM pada masa hadapan. Kem-kem pendekatan HAM ini mengalami proses perkembangan masing-masing dan menerima beberapa pandangan, iaitu: (i) idea HAM yang sah hanya terdapat dalam tradisi liberal Barat, manakala tradisi selain daripada liberalisme Barat kurang mempunyai idea HAM; (ii) pendekatan HAM bukan Barat bukan sahaja boleh dibandingkan, bahkan selaras dengan idea HAM berdasarkan liberalisme Barat; (iii) tradisi bukan Barat boleh berbeza termasuk dalam isu melibatkan ketidakserasan, tetapi pelbagai pandangan ini masih boleh dihubungkan; (iv) pendekatan HAM

---

<sup>25</sup> Ia termaktub di perenggan ke-7 dalam *Preamble UDHR*.

berbeza dan *kem kepelbagaian* bererti pandangan tertentu boleh dianggap benar berbanding yang lain (Johnson, M. Glen, 1988: 42-43).

Pandangan tersebut disebabkan kem-kem di atas mempunyai beberapa dimensi pendekatan yang berbeza: (i) pendekatan sama ada HAM itu hendaklah berasaskan status sebagai individu manusia atau status sebagai ahli sesetengah masyarakat; (ii) pendekatan sama ada tahap layanan berbeza yang dibenarkan terhadap individu-individu hendaklah berasaskan pencapaian atau anggapan; (iii) pendekatan sama ada penekanan hendaklah diberi kepada hak berbanding tanggungjawab, dan sama ada hak dan tanggungjawab itu saling bergantungan; (iv) pendekatan sama ada penekanan hendaklah diberi kepada hak positif dari aspek ekonomi dan sosial berbanding hak negatif dari aspek sivil dan politik; dan (v) pendekatan sama ada HAM hendaklah bersifat *absolute* (mutlak) atau *relative* (berubah-ubah) (*Ibid.*; Hurights Osaka, 2014).

Perbezaan kem-kem ini dapat dipecahkan kepada beberapa kategori melibatkan: i) nilai individu dan nilai masyarakat; ii) hak dan tanggungjawab; iii) hak sivil-politik dan hak ekonomi-sosial-budaya; di samping iv) hak mutlak dan hak relatif; v) hak umum dan hak khusus; dan iv) hak negatif dan hak positif. Tiga kategori pertama di atas akan dijelaskan selanjutnya.

### **a) Nilai Individu dan Nilai Masyarakat**

*Kem kesejagatan* merupakan pendekatan ‘HAM’ yang menekankan kesejagatan berasaskan ideologi nilai individu (*individualism*), bukan ideologi nilai masyarakat. Ia dikatakan dimulakan oleh ahli falsafah sekular awal Barat dengan pegangan terhadap wujudnya suatu kebenaran dan kebaikan secara universal. *Kem kesejagatan* berpegang kepada prinsip bahawa setiap manusia secara individu mempunyai hak asasi yang sama atas dasar kemanusiaannya sebagai piawai umum tanpa mengira jantina, agama, budaya dan keturunan (Ansari, Abdul Haseeb & Oseni, 2012: 3-23). Hak individu inilah yang perlu dilindungi oleh undang-undang dan mempunyai kuasa autonomi yang tidak boleh diganggu gugat oleh negara dan masyarakat (Ishtiaq Ahmed, 1994: 29-54). Pendekatan ini dilembagakan dalam UDHR dan mempunyai pengaruh besar terhadap ECHR dan ACHR yang berfungsi di peringkat rantau Eropah dan Amerika.

Manakala, *kem kepelbagaian* pula ialah pendekatan ‘ham’ yang menekankan kepelbagaian budaya berasaskan nilai masyarakat (Ansari, Abdul Haseeb & Oseni, 2012: 3-23). Ia menegaskan HAM tidak berasal daripada satu budaya sahaja, iaitu Barat. Sebaliknya, HAM wujud secara alamiah atau organik berdasarkan nilai moral. *Kem kepelbagaian* berpegang bahawa setiap

manusia secara bermasyarakat mempunyai hak asasi yang sama tanpa mengira jantina, agama, budaya dan keturunan. Hak masyarakat ini lebih utama untuk dilindungi oleh undang-undang dan hak masyarakat ini juga mempunyai kuasa ke atas individu. Justeru, HAM tidak boleh ditafsirkan tanpa merujuk kepada budaya dan budaya manusia itu berbeza dan pelbagai (Steiner & Alston, 2000: 366). Pendekatan ini dilembagakan dalam ACHPR, CDHRI, ‘ACHR’ dan AHRD yang berkembang dalam bentuk ‘*regional*’ atau ‘*transnational*’.

### b) Hak dan Tanggungjawab

*Kem kesejagatan* menekankan pendekatan berasaskan hak. Penekanan ini ditunjukkan dalam UDHR, ECHR dan ACHR. Sesetengah universalis beranggapan tidak semua masyarakat mempunyai konsep HAM, sebaliknya lebih fokus kepada tanggungjawab berbanding hak, dan kehidupan dijalani berdasarkan status seseorang dalam masyarakat (Sylvain Bayalama, 1993: 132). Walau bagaimanapun, konsep hak sebenarnya turut merangkumi tanggungjawab. Manakala, *kem kepelbagaian* menekankan pendekatan HAM berasaskan tanggungjawab. Penekanan ini turut dapat diperhatikan menerusi ACPHR, CDHRI dan AHRD. Sesetengah relativis beranggapan konsep hak bersifat destruktif dan berlawanan dengan norma hidup bermasyarakat (Abdul Ghafur Hamid@Khin Kaung Sein, 2012: 329). Walau bagaimanapun, ianya suatu kefahaman salah (Muhammad Hashim Kamali, 1993: 340-365) kerana konsep tanggungjawab tidak menghilangkan konsep hak.

*Mahathirism* mengutarakan idea ‘ham’ bagi menolak idea ‘HAM’ berasaskan *kesejagatan* atau liberalisme ciptaan negara-negara Barat yang memenangani WWII (Christopher Catherwood, 2014: 1-24).<sup>26</sup> *Kem kepelbagaian* tersebut menggagaskan ‘ham’ berpaksikan nilai-nilai Asia yang mempunyai pengaruh nilai Melayu-Islam dan juga Konfucius yang kuat dari sudut peranannya dalam masyarakat dan dasar negara. Tugas dan tanggungjawab lebih penting berbanding hak individu. Walau bagaimanapun, *Mahathirism* turut ditolak oleh pengkritik yang berhujah bahawa berlaku penyalahgunaan ‘ham’ yang mana niat sebenarnya *Mahathirism* ialah mengeksplorasi isu-isu ‘ham’ sebagai alat dan justifikasi untuk menyusutkan pengaruh pembangkang dan menguatkan kuasa politiknya. Justeru, dari sudut teorinya *Mahathirism* masih tidak mencabar pandangan politik dominan Barat (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2008: 11-13).

<sup>26</sup> N.a. (2019). “Dr M Tells UN General Assembly: Modify Veto Power to Prevent Abuses,” *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=NLIk2TwDA74>, dicapai pada 8 Oktober 2019.

Penderaf UDHR telah pun mendapati prinsip-prinsip dalam deklarasi tersebut wujud dalam banyak budaya dan tradisi agama. Prinsip-prinsip tersebut juga didapati tidak disebut sebagai hak pada setiap masa. Bahkan, sesetengah budaya menyebutnya dalam bentuk tanggungjawab yang melibatkan tanggungjawab terhadap diri sendiri, orang lain, masyarakat dan dunia amnya. Selain daripada Artikel 29, konsep tanggungjawab ini telah dikeluarkan daripada deraf akhir UDHR. Masanya sudah tiba untuk menilai kembali perkara ini. Dalam mewujudkan suatu pendekatan yang seimbang melewati batasan budaya dan sistem kepercayaan, Deklarasi Tanggungjawab (*Responsibility Declaration*) diperlukan bagi melengkapkan pendekatan sedia ada (Mia Giacomazzi, 2005: 164-176).

### **c) Sivil, Politik, Ekonomi, Sosial dan Budaya**

HAM lazimnya dikategorikan kepada 3 generasi. Generasi pertama HAM ialah ialah hak sivil dan politik. Generasi kedua HAM ialah hak ekonomi, sosial dan budaya. Generasi ketiga HAM ialah hak kolektif (Karel Vasak, 1977: 35-46).

Kefahaman klasik liberal Barat terhadap HAM menfokuskan hak mutlak sivil dan politik seseorang sebagai individu manusia. Kefahaman ini berbeza dengan idea marxist/ sosialis yang menfokuskan hak dan tanggungjawab ekonomi dan sosial secara *absolute* (mutlak) dan berdasarkan prinsip kolektif. Kebanyakan dunia bukan Barat, iaitu tradisi Dunia Ketiga pula lebih menfokuskan hak dan tanggungjawab secara relatif dalam ekonomi dan sosial seseorang yang bukan semata-mata sebagai individu, sebaliknya sebagai ahli dan anggota masyarakat manusia (Johnson, M. Glen, 1988: 43). Adalah jelas bahawa budaya tradisi tidak melihat seseorang individu mempunyai hak autonomi ke atas masyarakat. Seseorang individu merupakan sebahagian komponen kumpulan, keluarga atau puak, bangsa, atau masyarakat setempat, yang menjadi unit asas masyarakat (Pathak, 1989: 8).

Adalah boleh dihujahkan bahawa budaya tradisi tidak bererti seseorang individu tidak dilindungi daripada penganiayaan masyarakat (Hurights Osaka, 2014). Dalam masa sama, sifat HAM tidak akan membawa kepada individualisme secara ketat dan melampau seperti yang dapat dilihat dalam konteks liberalisme Barat (Johnson, M. Glen, 1988: 43). Walau bagaimanapun, HAM tidak dapat mengelak daripada dimensi sosial kerana kebebasan manusia hanya boleh terungkap dalam hubungan dengan manusia lain (Bielefeldt, 1995: 587-617). Justeru, situasi ini memerlukan penyelesaian secara adil dan seimbang antara kepentingan individu dan kepentingan masyarakat (*Ibid.*, 591-592). Realiti perbezaan antara *kem kesejagatan* dan *kem kepelbagaian*

merupakan cabaran yang perlu dihadapi secara adil dan seimbang (Jack Donnelly, 1984: 400-419).

#### 4.4 Kritikan

Penerimaan atau penafsiran hak asasi manusia berdasarkan *kem kesejagatan* secara ketat, *extreme* atau radikal umumnya dikritik sebagai *new secular religion*, suatu neo-kolonialisme, bersifat kebaratan atau suatu *kem kesejagatan Barat (western universalism)* yang tidak mewakili kesejagatan sebenar HAM. Manakala, *kem kepelbagaiannya* secara ketat *extreme* atau radikal pula umunnya dikritik sebagai memisahkan antara budaya-budaya, terdedah kepada penyalahgunaan dan boleh disalahgunakan untuk mewajarkan pelanggaran terhadap HAM (Mashhood A. Baderin, 2001: 59). Sebarang bentuk keketatan dalam *kem kesejagatan* dan *kem kepelbagaiannya* bukan jawapan dan penyelesaian bagi segala penindasan, ketidakadilan dan ketidaksetaraan (*Ibid.*).

*Kem kesejagatan* secara ketat ini (Anthony Julius, 2010: 20) tergambar dalam istilah “human rightism” atau “ideologi hak asasi manusia” yang diperkenalkan oleh Alain Pellet, seorang Profesor Undang-undang Antarabangsa pada 1989 dalam pembentangan simposium di *University of Paris X-Nanterre*,<sup>27</sup> dan dalam syarahan berjudul “Human Rightism and International Law” pada 2000. Istilah ini digunakan bagi menjelaskan pemikiran aktivis ‘HAM’ (Alain Pellet, 2000: i-16).

Walau bagaimanapun, aktivis ‘HAM’ tidak menyukai istilah “human rightism”. Ini disebabkan oleh: (i) ia berkonotasi buruk; (ii) ia menonjolkan ‘HAM’ sebagai ideologi yang menyalahi norma sosial dan agama; (iii) ia sebagai suatu tekanan moral ke atas politik; (iv) ia bukan suatu kepercayaan (Shamrahyu A. Aziz, 2015: 5). Wacana ‘HAM’ kini mendominasi dimensi politik dengan mendapat sokongan kuat daripada gerakan ‘HAM’ dan menjadi suatu agama sekular pada zaman ini (Anthony Julius, 2010: 20). Michael Ignatieff pula menyatakan 50 tahun selepas pengisytiharannya, UDHR telah menjadi teks suci yang disebut sebagai *worldwide secular religion*, iaitu agama sekular seluruh dunia (Michael Ignatieff, 2001: 53).

*Mahathirism* mengutarakan idea ‘ham’ bagi menolak idea ‘HAM’ berasaskan *kesejagatan* atau liberalisme ciptaan negara-negara Barat yang memenangani

<sup>27</sup> Alain Pellet, “La mise en oeuvre des nonnes relatives aux droits de l’homme,” in CEDIN, eds. H. Thierry and E. Decaux, (Droit international et droits de l’homme - La pratique juridique française dans le domaine de la protection internationale des droits de l’homme: Montchrestien, Paris, 1990): 126.

WWII (Christopher Catherwood, 2014: 1-24).<sup>28</sup> *Kem kepelbagaian* tersebut menggagaskan ‘ham’ berpaksikan nilai-nilai Asia yang mempunyai pengaruh nilai Melayu-Islam dan juga Konfucius yang kuat dari sudut peranannya dalam masyarakat dan dasar negara. Tugas dan tanggungjawab lebih penting berbanding hak individu. Walau bagaimanapun, *Mahathirism* turut ditolak oleh pengkritik yang berhujah bahawa berlaku penyalahgunaan ‘ham’ yang mana niat sebenarnya ialah mengeksplorasi isu-isu ‘ham’ sebagai alat dan justifikasi untuk menyusutkan pengaruh pembangkang dan menguatkan kuasa politiknya. Justeru, dari sudut teorinya *Mahathirism* masih tidak mencabar pandangan politik dominan Barat (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2008: 11-13).

Perbezaan antara *kem kesejagatan* dan *kem kepelbagaian* di kemuncak perbalahan politik dan kuasa di peringkat antarabangsa, regional dan negara-negara ini menjadi lebih sensitif dan kontroversi dalam aspek pelaksanaan ke atas isu-isu yang sedia devisor seperti gender, *gender equality* atau *gender equity*, orientasi seksual dan identiti jantina, hak seksual dan reproduktif, dan antara agama dan sekular, serta inter dan intra aliran, mazhab dan agama (Wan Zainira Wan Bakar, 2015)<sup>29</sup> melibatkan Protestan dan Katolik, Sunni dan Syiah, Sufi dan Salafi-Wahabi dan seumpamanya.<sup>30</sup>

Ini menunjukkan wacana dikotomi pendekatan antara ‘HAM’ *kem kesejagatan* atau universalisme dan ‘ham’ *kem kepelbagaian* atau relativisme masih berterusan sehingga ke zaman ini. Untuk memahami pelaksanaan HAM dalam dasar dan amalan, kefahaman terhadap paradoks pendekatan berbeza antara ‘HAM’ dan ‘ham’ amat penting dalam menjustifikasikan isu-isu yang dapat dipersetujui dan membangunkan suatu standard HAM yang boleh dipersetujui bersama antara masyarakat antarabangsa sebagai “sebatang pokok yang baik yang berbuah setiap masa”, sesuai dengan kehendak Allah SWT:

*“Tidakkah engkau melihat bagaimana Tuhan mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik seperti sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada setiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Tuhan mengemukakan*

<sup>28</sup> N.a. (2019). “Dr M Tells UN General Assembly: Modify Veto Power to Prevent Abuses,” *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=NLIk2TwDA74>, dicapai pada 8 Oktober 2019.

<sup>29</sup> Wan Zainira Wan Bakar membincangkan perspektif pendidikan antara agama sebagai platform mencapai perpaduan bagi menangani isu-isu antara dan intra agama.

<sup>30</sup> Berdasarkan proses Semakan Berkala Sejagat (UPR) Terhadap Negara-negara di UNHRC dan realiti di lapangan.

*perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat.”*

(Surah Ibrahim, 14: 24-25)

## KESIMPULAN

HAM penting sebagai sebahagian daripada perjanjian bagi mengelakkan kematian dan kemusnahan dalam WWI dan WWII terdahulu dan potensi sama dalam jumlah kematian dan bentuk kemusnahan yang tidak dapat digambarkan pada masa hadapan. Sejarah perkembangan, persepsi, dan perbezaan antara pendekatan ‘HAM’ *kem kesejagatan* dan ‘ham’ *kem kepelbagaian* yang berterusan ke dekad ini menyebabkan IHRL berasaskan kesejagatan ‘HAM’ sedia ada dipersoalkan, perdebatan berterusan dan dunia terus terpolarisasi di ambang ‘WWIII’. Hakikatnya, masyarakat antarabangsa masih dalam situasi *relativisme* dan *particularism*. Pegangan kepada *kem kepelbagaian* dan *kem kepelbagaian* secara ketat dan melampau merupakan punca sebenar kepada masalah pemaksaan, penindasan, diskriminasi dan ketidaksetaraan. Wacana HAM kini sedang berada dalam suatu perangkap dan persimpangan yang sukar sekiranya tidak dihadapi dengan adil dan seimbang. Adalah disyorkankan agar pertubuhan antara kerajaan antarabangsa, suruhanjaya dan badan HAM, kerajaan dan agensinya, masyarakat sivil serta semua pihak berkepentingan dapat menggunakan kebijaksanaan dalam memberi keadilan buat kedua-dua pendekatan *particularism* ini.

Tanpa keadilan ini, trend perbezaan pendekatan kem hanya akan meluaskan lagi jurang perbezaan antara masyarakat yang sudah sedia terpolarisasi. Tanpanya juga, IHRL yang dibangunkan atau dibangunkan semula juga tidak akan menjadi lebih efektif, dari sudut perundungan dan perlaksanaannya yang turut mengambil kira sejarah, budaya dan agama sesebuah masyarakat. Semua pihak berkepentingan juga perlu menggunakan kebijaksanaan agar tesis dialog peradaban dapat dibudayakan dalam menghadapi dengan situasi sukar ini. Adalah perlu diakui bahawa pegangan kepada tesis pertembungan peradaban dalam apa juu keadaan, khasnya melibatkan masalah dikotomi pendekatan HAM hanya akan membawa kepada satu jawapan, iaitu konflik, peperangan dan kemusnahan maha dahsyat yang tidak pernah dialami dunia. Ia boleh memberi kesan kepada kewujudan dan peranan selanjutnya negara-negara seperti Amerika, Eropah, Rusia, China dan juga Malaysia dalam dunia unipolar, bipolar atau multipolar pada hadapan yang masih belum pasti, dalam dunia yang ‘kosong’ hak asasi.

## **RUJUKAN**

- A. Bolaji Akinyemi (1985). “The African Charter on Human and Peoples’ Rights: An Overview,” *The Indian Journal of Political Science*, vol. 46, no. 2, 207-238.
- Abdul Azeez Maruf Olayemi, Abdul Majeed Hamzah Alabi & Ahmad Hidayat Buang (2015). “Islamic Human Rights Law: A Critical Evaluation of UIDHR & CDHRI in Context of UDHR,” *Journal of Islam, Law and Judiciary*, vol. 1, no. 3, 27-36.
- Abdul Ghafur Hamid @ Khin Kaung Sein, ed. (2012). *Human Rights Law: International, Malaysian and Islamic Perspectives*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
- Adamantia Pollis, and Peter Schwab Boulder, eds. (2000). *Human Rights: New Perspectives, New Realities*. CO: Lynne Rienner.
- Alain Pellet (1990). “La mise en oeuvre des nonnes relatives aux droits de l’homme,” in CEDIN. eds. H. Thierry and E. Decaux. Droit international et droits de l’homme - La pratique juridiquefrançaise dans le domaine de la protection internationale des droits de l’homme: Montchrestien, Paris.
- Alain Pellet (2000). “Human Rightism and International Law,” *The Italian Yearbook of International Law Online*, vol. 10, no. 1, i-16.
- Alison Dundes Renteln (1990). *International Human Rights. Universalism versus Relativism, Frontiers of Anthropology*, vol. 6. Newbury Park, California: Sage Publications.
- American Antropological Association (1947). “Statement on Human Rights,” *American Anthropologist*, vol. 49, no. 4, 539-543.
- Ansari, Abdul Haseeb & Oseni (2012). “Human Rights: Genesis and Perspectives,” in *Human Rights Law: International, Malaysian and Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell Asia, 3-23.
- Anthony Julius (2010). *Trials of the Diaspora: A History of Anti-Semitism in England*. Oxford: Oxford University Press.
- ASEAN Inter-Parliamentary Organization (1993). *Human Rights Declaration*. Kuala Lumpur: 14<sup>th</sup> AIPO General Assembly.
- Barnadin Shibu, A Adhin, G Ragesh, Shiny George and Ameer Hamza (2017). “Perception of Human Rights Temperature of Cummunity in Persons With Severe Mental Illness,” *Original Article*, vol. 22, no. 1, 35-39.
- Bernama (2019). “Modify Veto Power to Prevent Abuses, Says Dr M.” *The Star Online*, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/09/29/modify-veto-power-to-prevent-abuse-says-dr-m>, dicapai pada 29 September 2019.

- Bernard Lewis (1990). "The Roots of Muslim Rage," *The Atlantic*, vol. 266, no. 3, 47-60.
- Bielefeldt, Heiner (1995). "Muslim Voices in the Human Rights Debate," *Human Rights Quarterly*, vol. 17, no. 4, 587-617.
- Bobbio, N. (1996). *The Age of Rights*. Cambridge: Polity Press.
- Charles T. Call, David Crow & James Ron (2017). "Is the UN a Friend or Foe," *Open Global Rights*, <https://www.openglobalrights.org/order-from-chaos-is-the-UN-a-friend-or-foe/order-from-chaos-is-the-un-a-friend-or-foe/>, dicapai pada 17 November 2017.
- Christopher Catherwood (2014). *World War II: A Beginner's Guide*. London: OneWorld Publications.
- Council of Europe (n.d.). *European Convention of Human Rights*. Strasbourg: European Court of Human Rights.
- Dalia Vitkauskaitė-Meurice (2010). "The Arab Charter on Human Rights: The Naissance of New Regional Human Rights System or A Challenge to The Universality of Human Rights?" *Jurisprudence*, vol. 1, no. 119, 165-180.
- David Shiman (1999). *Economic and Social Justice: A Human Rights Perspective*. Minneapolis: Human Rights Resource Centre, University of Minnesota.
- Declan O'Sullivan (1998). "The History of Human Rights across the Regions: Universalism VS Cultural Relativism," *The International Journal of Human Rights*, vol. 2, no. 3, 28-29.
- Dona-Gene Barton, Courtney Hillebrecht & Sergio C. Wals (2017). "A Neglected Nexus: Human Rights and Public Perceptions," *Journal of Human Rights*, vol. 16, no. 3, 293-313.
- Dustin N. Sharp (2019). "Through a Glass, Darkly: Three Important Conversations for Human Rights Professionals," *Journal of Human Rights Practice*, vol. 11, no. 2, 296-304.
- Elisabeth Reichert (2006). "Human Rights: An Examination of Universalism and Cultural Relativism," *Journal of Comparative Social Welfare*, vol. 22, no. 1, 23-36.
- Eva Brems (2011). *Human Rights: Universality and Diversity, Asian Human Rights Claims*. The Hague, Boston, London: Martinus Nijhoff Publishers.
- Fida Hammami (2012). *The Arab Charter on Human Rights: The Task Still Unfinished*. Ireland: European Inter-University Centre for Human Rights and Democratization.

- Freeman, Michael (2010). *Human Rights*. 2nd ed. Cambridge: Polity.
- Gordon L. Weil (1963). "The Evolution of the European Convention on Human Rights," *American Journal of International Law*, vol. 57, no. 4, 804-827.
- Henry Marsh (1971). *Documents of Liberty*. England: MW Books.
- Hilde Hey (2001). "Universal Human Rights and Cultural Diversity," *Human Rights and Human Welfare*, vol. 1, no. 2, 24-30.
- Hilpold, Peter (2013). *The League of Nations and the Protection of Minorities: Rediscovering a Great Experiment*. Geneva: 17 Max Planck Yearbook of United Nations Law.
- Hopgood, S. (2006). *Keepers of the Flame, Understanding Amnesty International*. Ithaca: Cornell University Press.
- Hopgood, S. (2011). "Amnesty International's Growth and Development Since 1961," *50 Years of Amnesty International, Reflections and Perspectives*. SIM Special 36. eds., W. de Jonge, B. McGongile Leyh, F. Mihr, & L. van Troost. Utrecht: University of Utrecht.
- Hopgood, S. (2013). *The Endtimes of Human Rights*. New York: Cornell University Press.
- Hopgood, S. (2016). "The Endtimes of Human Rights?," *Lecture at Humanitarian Congress Berlin*, <https://www.youtube.com/watch?v=UaQKjT3n1rY>, dicapai pada 26 Jun 2016.
- Hopgood, S. (2018). "The End of Human Rights," *Washington Post*, [www.washingtonpost.com/opinions/the-end-of-human-rights/2014/01/03/7f8fa83c-6742-11e3-ae56-22de072140a2\\_story.html](http://www.washingtonpost.com/opinions/the-end-of-human-rights/2014/01/03/7f8fa83c-6742-11e3-ae56-22de072140a2_story.html), dicapai pada 25 Jun 2018
- Hurights Osaka (2011). *Human Rights Education in Asia Pacific*, vol. 2. Osaka: Asia-Pacific Human Rights Information Center.
- Hurights Osaka (2014). *Human Rights and Cultural Values: A Literature Review*. Nishi-ku, Osaka: Asia-Pasific Human Rights Information Centre.
- Hurights Osaka (2019). "Malaysian Charter on Human Rights," [https://www.hurights.or.jp/archives/other\\_documents/section1/1994/03/malaysian-charter-on-human-rights-1994.html](https://www.hurights.or.jp/archives/other_documents/section1/1994/03/malaysian-charter-on-human-rights-1994.html), dicapai pada 3 September 2019.
- Iancu, G., Drepturile și îndatoririle fundamentale în România/Fundamental Rights, Freedoms and Duties in Romania. Bucharest: All Beck.
- ICAAP (2019). "Universal Declaration of Human Responsibility," <http://globalization.icaap.org/content/v2.2/declare.html>, dicapai pada 1 September 2019.

- Institute of Foreign Affairs Tripureshwor (2010). *Statements and Declarations of SAARC. Summits of the Heads of State or Government (1985-2010)*. Kathmandu: Institute of Foreign Affairs Tripureshwor.
- Inter Action Council (2019). <http://www.interactioncouncil.org/udhr/declaration/udhr.pdf>, dicapai pada 2 September 2019.
- Ipsos Public Affairs (2018). *Human Rights in 2018: A Global Advisor Survey*. Paris: Ipsos.
- Ishtiaq Ahmed (1994). “Western and Muslim Perceptions of Universal Human Rights,” *Africa Focus*, vol. 10, no. 1-2, 29-54.
- Jack Donnelly (1984). “Cultural Relativism and Universal Human Rights,” *Human Rights Quarterly*, vol. 6, no. 4, 400-419.
- Jan Nederveen Pieterse (2012). “Periodizing Globalization: Histories of Globalization,” *New Global Studies*, vol. 6, no. 2, 1-26.
- Janet E Perkins, Ahmed Ehsanul Rahman, Abu Bakar Siddique, Tapas Mazumder, Mohamamad Rifat Haider & Shams El Arifeen (2019). “Awareness and Perceptions of Women Regarding Human Rights Related to Maternal Health in Rurral Bangladesh,” *Journal of Global Health*, vol. 9, no. 1, 010415.
- Jefferson R. Plantilla, Sebasti L. Raj, eds. (1997). *Human Rights in Asian Cultures, Continuity and Change: A Regional Report in Support of the UN Decade for Human Rights Education*. Osaka: Hurights Osaka.
- John Cantius Mubangizi (2005). “The Protection of Human Rights in Uganda: Public Awareness and Perceptions,” *African Journal of Legal Studies*, vol. 1, no. 3, 166-186.
- John Humphrey (1973). *The International Law of Human Rights in the Middle Twentieth Century*. London: International Law Association.
- Johnson, M. Glen (1988). “Human Rights in Divergent Conceptual Settings: How Do Ideas Influence Policy Choices?” *Human Rights Theory and Measurement*, ed. David Louis Cingranelli. London: MacMillan Press.
- Judge Edward D. Re (2003). “The Universal Declaration of Human Rights: Effective Remedies and the Domestic Courts,” *California Western International Law Journal*, vol. 33, no. 2, 138-169.
- Karel Vasak (1977). “Human Rights: A Thirty-Year Struggle: The Sustained Efforts to Give Force of Law to The Universal Declaration of Human Rights,” in *UNESCO Courier 30 November*. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 35-46.

- Landelijke India Werkgroep (n.d.) *Ambedkar Principles: Principles and Guidelines to address Caste Discrimination in the Private Sector*. Copenhagen: International Dalit Solidarity Network.
- Lawasia Human Rights Committee (1989) *Draft Pacific Charter of Human Rights and Explanatory Memoranda*. Australia: The Law Association for Asia and The Pasific.
- Mahamad Naser Disa (2012). “Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara’ dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan,” Kertas kerja, Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatism, Intekma, Jabatan Agama Islam Selangor, Shah Alam, 28 Jun 2012).
- Majma’ al-Fiqh al-Islami al-Dauly (1992). *Majallah al-Majma'*, vol. 4. Riyadh: International Islamic Fiqh Academy-Organization of Islamic Cooperation.
- Manley O. Hudson (1924). “Membership in the League of Nations,” *American Journal of International Law*, vol. 18, no. 3, 436-458.
- Marek Hrubec (2010). “Preconditions of an Intercultural Dialogue on Human Rights,” *Veritas*, vol. 55, no. 1, 183-205.
- Mary Ann Glendon (1998). “Propter Honoris Respectum: Knowing The Universal Declaration of Human Rights,” *Notre Dame Law Review*, vol. 73, no. 5, 1153-1190.
- Mashhood A. Baderin (2001). “Modern Muslim States between Islamic Law and International Human Rights Law,” PhD Thesis, University of Nottingham, Nottingham.
- Matthew Carlson & Ola Listhaug (2007). “Citizen’s Perceptions of Human Rights Practices: An Analysis of 55 Countries,” *Journal of Peace Research*, vol. 44, no. 4, 465-483.
- Megan C. Brand (2010). *International Cooperation and The Anti-Trafficking Regime*. Oxford: Working Paper Series No. 71, Refugee Studies Centre, Oxford Department of International Development University of Oxford.
- Megumi Komori (n.d.) *Foundation of the National Levelers Association and Levelers Declaration* Tokyo: International Movement Against All Forms of Discrimination and Racism.
- Mia Giacomazzi (2005). “Human Rights and Human Responsibilities: A Necessary Balance?” *Santa Clara Journal of International Law*, vol. 3, no. 2, 164-176.
- Michael Ignatieff (2001) *Human Rights as Politics and Idolatry*. Princeton: Princeton University Press.

- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2008). "Mahathir Mohamad as a Cultural Relativist: Mahathirism on Human Rights," Paper Presented, 17th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia, Asian Studies Association of Australia, Melbourne.
- Muhammad Hashim Kamali (1993). "Fundamental Rights of the Individual: An Analysis of Haqq (Rights) in Islamic Law," *American Journal of Islamic Social Science*, vol. 10, no. 3, 340-365.
- N.a. (2019). "Dr M Tells UN General Assembly: Modify Veto Power to Prevent Abuses," *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=NLIk2TwDA74>, dicapai pada 8 Oktober 2019.
- Naveed S. Sheikh (2009) *Body Count: A Quantitative Review of Political Violence Across World Civilizations*. Jordan: University of Louisville & The Royal Aal Al-Bayt Institute for Islamic Thought.
- Ndondo Shepherd (2014). "Human Rights: Perceptions and Making the Discourse Functional: A Case of Gokwe Central Community," *International Journal of Scientific and Research Publications*, vol. 4, no. 4, 1-7.
- Nhina Le (2016). "Are Human Rights Universal or Culturally Relative?," *Peace Review: A Journal of Social Justice*, vol. 28, no. 2, 203-211.
- Nicholas Doyle (2014). "The Asean Human Rights Declaration and The Implications of Recent Southeast Asian Initiatives: Human Rights Institution-Building and Standard-Setting," *International & Comparative Law Quarterly*, vol. 63, no. 1, 67-101.
- Nik Muhd Marzuki Muhd Nor (2016). "Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Islam," Kertas kerja, Bengkel Memahami Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Nik Muhd Marzuki Muhd Nor (2020). "Persepsi Pihak Berkepentingan di Malaysia Terhadap Hak Asasi Manusia dalam Isu Perlakuan Homoseksual," Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh (2012). "A Conceptual Analysis of 'Rights' in the International and Islamic Human Rights Instruments," *American International Journal of Contemporary Research*, vol. 2, no. 4, 155-164.
- Norman J. Padelford (1948). "The Use of the Veto," *International Organization*, vol. 2, no. 2, 227-246.

- Office of High Commissioner of Human Rights (2019). “Achievements and Challenges of the Human Rights City Gwangju,” <https://www.ohchr.org/Documents/HRBodies/HRCouncil/Advisory%20Com/LocalGvt/Gwangju%20Metropolitan%20City,%20Republic%20of%20Korea.pdf>, dicapai pada 4 September 2019.
- Organization of American States (1969). *American Convention on Human Rights “Pact of San Jose, Costa Rica”*. Washington: Organization of American States.
- Pamela Bromley (2008). “Human Rights and the League of Nations: How Ideas about Human Rights Came to be Included in the Charter and Work of the League of Nations,” Paper presented, The Annual Meeting of the Western Political Science Association, Manchester Hyatt, San Diego, California, 2008.
- Pathak, Raghunandan Swarup (1989). “Introductory Report on Universality of Human Rights,” in *Universality of Human Rights*. Strasbourg: Council of Europe.
- Preparatory Committee (1993). *Report of The Preparatory Committee*. Geneva: World Conference on Human Rights.
- Regional Council in Human Rights in Asia (n.d.) *Declaration of the Basic Duties of ASEAN Peoples and Governments*. Nijmegen, Netherland: Radbound Universitet.
- Reynaldo R. Ty, ed. (1991). *Truth and Freedom: Understanding and Teaching Human Rights*. Quezon City: Task Force Detainees of the Philippines.
- Riaz Ahmad Saeed (2013). “Human Rights in Islam and The West (The Last Sermon of The Prophet and UDHR),” *Jihāt Al-Islām*, vol. 6, no. 2, 7-27.
- Richard A. Wilson (1997). *Human Rights, Culture & Context, Anthropological Perspectives*. n.p.: Pluto Press.
- Roger Lloret Blackburn (2008). “Cultural Relativism in the Universal Periodic Review of the Human Rights Council,” Paper presented, ICIP Working Papers: 2011/03, Institut Catalá Internacional per La Pau, Barcelona.
- Ron, David Crow & Shannon Golden (2014). “Human Rights Familiarity and Sosio-Economic Status,” *International Journal of Human Rights*, vol. 6, no. 20, 334-351.
- Samuel P. Huntington (1996). *The Clash of Civilizations: Remaking of World Order*. Washington: Simon & Schuster.
- Science and Global Security (2019). “Plan A,” *The Trustees of Princeton University*, <https://sgs.princeton.edu/the-lab/plan-a>, dicapai pada 12 Januari 2020.

- Shamrahayu A. Aziz (2015). “Ideologi Hak Asasi Manusia (*Human Rightism*) Sejagat: Kesannya Ke Atas Undang-Undang Malaysia,” Kertas kerja, Seminar Pemurnian Akidah 2015: Wasatiyyah Dalam Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Steiner, H. J. & Alston, P, (2000). *International Human Rights in Context, Law Politics, Morals*, 2nd ed. Oxford: Oxford University Press.
- Sunil Amrith & Glenda Sluga (2008). “New Histories of the United Nations,” *Journal of World History*, vol. 19, no. 3, 251-274.
- Sylvain Bayalama (1993). “Universal Human Rights and Cultural Relativism,” *Scandinavian Journal of Development Alternatives*, vol. 12, no. 2, 131-145.
- United Nations (1945). *Charter of the United Nations and Statute of the International Court of Justice*. San Francisco: United Nations.
- United Nations Children’s Fund (2017). *Annual Report*. Nepal: UNICEF.
- United Nations High Commissioner for Human Rights (1993). *Report of the Regional Meeting for Asia of the World Conference on Human Rights 29 March-2 April*. Bangkok: UNHCHR.
- UNOG Library, Registry, Records and Archives Unit (n.d.). *History of the League of Nations (1919-1946)*. Geneva: United Nations Office.
- Van Daela, J. (2008). “The International Labour Organization (ILO) in Past and Present Research,” *International Review of Social History*, vol. 53, no. 3, 485-511.
- Wan Zainira Wan Bakar (2015). “Teachers’ Perception of Interfaith Education and Its Activities As A Platform For Unity: A Survey of Selected Schools in the Klang Valley,” Master Dissertation, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Weston, B. (2012), “Human Rights” *New Encyclopædia Britannica*, vol. 20. Chicago: Encyclopædia Britannica, Inc, 1974-2012.
- Worldometers (2020). “Current World Population,” <http://www.worldometers.info/world-population/>, dicapai pada 12 Januari 2020.
- Wouter Henkelman, Charles Jones, Michael Kozuh and Christopher Woods, eds., (2010). *Extraction and Control: Studies in Honor of Matthew W. Stolper*. Chicago: Oriental Institute Publications, Oriental Institute of the University of Chicago.
- Yash Ghai (1998). “Our Common Humanity: Asian Human Rights Charter,” *Netherland Quarterly on Human Rights*, vol. 16, no. 4, 539-552.

- Yoshiro Nabeshima, Mariko Akuzawa, Shinichi Hayashi & Koonae Park (1999). *Japan: Human Rights Education in Schools*. Osaka: Hurights Osaka.
- Yunas Samad (2000). "Breaking the Deadlock: People to People Initiatives in South Asia," *World Affairs: The Journal of International Issues*, vol. 4, no. 4, 38-42.

**Senarai Statut**

Charter of Human Rights and Responsibilities Act (Victoria) 2006.